

# PM mahu agensi PBB selaras kegiatan

BH 27 JUN 1987

VIENNA, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menca-dangkan supaya agensi-agensi utama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menyelaraskan secara berkesan kegiatan mem-banteras masalah dadah.

Beliau berpendapat langkah menam-bahkan peruntukan kewangan kepada badan-badan itu saja tidak akan mem-beri kesan yang diharapkan tanpa wu-judnya penyelarasan yang berkesan dalam usaha memerangi masalah da-dah.

Berucap di penutup Persidangan An-tarabangsa Mengenai Dadah anjuran badan dunia itu yang bermula di sini sejak 17 Jun lalu, Perdana Menteri juga menegaskan dalam keadaan ke-wangan di seluruh dunia kini, syor su-paya diwujudkan sebuah badan khas bagi melaksanakan cadangan-ca-dangan dikemukakan tidak mungkin dapat dilaksanakan.

Dalam keadaan ini dan sebagai tin-dakan segera, Perdana Menteri yang juga presiden persidangan itu menca-dangkan supaya usaha ini dilakukan menerusi institusi-institusi sedia wu-jud.

Beliau juga berkata, sementara usa-ha dan kerjasama antarabangsa dipertingkatkan umpamanya menerusi

## Daripada AHMAT WAHAB

penggubalan draf konvensyen menen-tang pengedaran dadah narkotik dan bahan psikotropik, tindakan yang lebih berkesan banyak bergantung kepada usaha kebangsaan di negara masing-masing.

Menurutnya usaha yang selari di pe-ringkat kebangsaan dan antarabangsa yang akan meningkat berikutan persi-dangan itu akan melahirkan kejayaan yang lebih baik dalam perjuangan du-nia memerangi masalah dadah.

Datuk Seri Dr Mahathir gembira persidangan itu yang dibuat selepas persiapan selama dua tahun berjaya memenuhi satu keperluan besar.

Persidangan itu, menurutnya berjaya menarik penyertaan 139 negara dan 173 Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) serta pakar-pakar dan pejuang antidadah.

"Walau apapun ukuran yang diguna-kan, ini adalah bukti komitmen politik yang amat tinggi terhadap perjuangan menentang wabak dadah," katanya.

Beliau juga merujuk kepada dua do-kumen penting yang dihasilkan oleh persidangan itu iaitu perisytiharan dan garis panduan mengenai tindakan menentang dadah (CMO).

"Selain membuka jalan bagi pende-katan yang lebih seimbang dan sistematik, pe-risytiharan itu akan memberi dorongan yang amat positif kepada go-longan profesional dan pekerja lain untuk mene-ruskan usaha mereka.

"Di peringkat ke-bangsaan pula, keuta-maan bagi tugas antida-dah akan diperkukuhkan lagi dan diberi peneka-nan lebih.

"Tiada negara atau ke-pemimpinan politik kini boleh berpeluk tubuh atau menghalang kem-pen membasmi masalah penyalahgunaan dan pengedaran dadah," te-gasnya.

Menyentuh CMO pula, Datuk Seri Dr Mahathir berkata penerimaan do-kumen itu boleh dilihat sebagai komitmen politik masyarakat antara-bangsa bagi melaksana-kan tindakan yang berke-san.

Menurutnya, walaupun CMO tidak mempunyai taraf kanun undang-un-dang ia hendaklah dianggap sebagai ikrar yang mempunyai ikatan moral bagi mewujudkan usaha bersama melaksa-nakan garis panduan da-lam mengurangkan ma-salah salah guna dan pengedaran dadah.

Disebabkan CMO itu menyeluruh dan meliputi pelbagai pendekatan, tia-da negara dapat menya-takan bahawa garis pan-duan yang disediakan tidak sesuai dilaksana-kan atau ia tidak dapat membuat apa-apa sum-bangan terhadap per-juangan menentang da-dah, katanya.